

## Ciri-Ciri Umum Usahawan Berjaya: Analisis Daripada Perspektif Islam

Shuhairimi Abdullah<sup>1</sup>

### ABSTRAK

*Keusahawanan memiliki garis panduan yang tersendiri dalam memerihalkan ciri-ciri usahawan berjaya. Ciri-ciri tersebut perlu dijadikan sebagai garis panduan kepada setiap individu yang berkecimpung dalam dunia keusahawanan. Usahawan yang berjaya bukan sahaja dinilai dari sudut pencapaian prestasi dan pemilikan material semata-mata tetapi juga perlu memenuhi tanggungjawab yang dituntut oleh agama. Justeru, artikel ini meneliti ciri-ciri umum usahawan berjaya seperti yang telah digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah serta pandangan sarjana yang berkaitan topik yang dibincangkan. Kajian ini mendapati, usahawan yang dinilai sebagai berjaya iaitu individu yang cemerlang dalam bidang yang diceburi dan memenuhi tanggungjawabnya sebagai muslim, mu'min dan muflih.*

**Kata Kunci:** ciri-ciri umum, usahawan, usahawan berjaya, Islam

### 1. PENGENALAN

Usahawan berjaya menurut Islam iaitu individu *muslim* yang berjaya memenuhi tanggungjawabnya dengan Allah, sesama manusia dan juga makhluk ciptaan Allah yang lain. Ini kerana objektif kejayaan, kebahagiaan dan keuntungan pada kerangka pemikiran usahawan *muslim* bukan hanya melihat kepada ganjaran material secara tunggal semata-mata. Sebaliknya hasil usaha yang dilakukan tersebut perlu mengikut lunas-lunas yang diizinkan oleh syara'. Ini kerana, setiap perlakuan yang selari dengan tuntutan tersebut dihitung sebagai ibadah. Secara tidak langsung, ia menjadi bekalan untuk dibawa pada hari akhirat kelak. Memahami pengertian tersebut, dapat dirumuskan bahawa keredaan dan kerahmatan daripada Allah S.W.T adalah matlamat unggul yang perlu dicapai dan perlu dicari oleh setiap individu usahawan *muslim*.

Pada kemuncaknya, disitulah letaknya keberkatan yang menjanjikan kedamaian, ketenangan dan kejayaan hakiki yang perlu dikejar oleh para usahawan. Kejayaan usahawan yang merangkumi pengertian inilah disifatkan sebagai bersepadu dan menyeluruh kerana ianya diimbangi dengan keuntungan yang

---

<sup>1</sup> SHUHAIMI BIN ABDULLAH, Pusat Teknologi Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian, Jalan Kangar – Arau 02600 Perlis

dinikmati di dunia dan juga kejayaan yang bakal dikecapi di hari akhirat kelak. Tegasnya, kejayaan (*al-falah*) yang difokuskan Islam adalah untuk memenuhi kesejahteraan manusia dan menolak elemen yang cenderung kepada kemusnahan, kerugian dan penindasan sesama manusia (Yusuf al-Qaradawi, 1980).

Premis kenyataan ini telah dipersetujui oleh (Barjoyai Bardai, 2000) dengan menyatakan bahawa usahawan berjaya adalah individu yang cemerlang (Sudin Haron, 1990) dan mempunyai kebolehan yang istimewa dan memenuhi tanggungjawab agama. Dengan kata lain, individu tersebut mempunyai keupayaan untuk mengenalpasti peluang perniagaan dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk memajukan bidang yang diusahakan. Di samping itu, individu tersebut bijak menguruskan semua harta yang dimiliki Allah S.W.T dengan cara yang paling efektif. Ia perlu disalurkan dan diuruskan dalam bentuk nilai tambah dalam pasaran untuk kepentingan umum manusia. Atas kapasiti inilah usahawan digambarkan sebagai pemegang amanah ataupun diistilahkan sebagai *khalifah al-ard*.

## **2. CIRI-CIRI UMUM USAHAWAN BERJAYA**

Usahawan dari sudut dimensi Islam adalah tertakluk kepada dua fungsi yang utama. Atas sifatnya sebagai insan, usahawan terikat kepada konsep hamba dalam konteks *'ubudiyah* dan konsep *khilafah*. Berasaskan fungsi tersebut, usahawan perlu mengekalkan *status qounya* sebagai *khalifah al-ard* ataupun sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab melaksanakan segala tuntutan yang telah diamanahkan kepadanya menurut kehendak wahyu. Ringkasnya ciri-ciri usahawan berjaya diperincikan seperti berikut:

## **3. MEMPRAKTIKKAN TUNTUTAN AGAMA**

Usahawan berjaya menurut kerangka keusahawanan Islam secara tipikalnya ialah individu yang memiliki iltizam dan penghayatan yang tinggi terhadap cara hidup Islam yang sempurna dalam setiap aspek kehidupannya. Berpegang teguh kepada ajaran agama ini menjadi asas yang konkrit kepada setiap individu usahawan muslim untuk meletak dan menundukkan diri secara hakiki kepada Allah Yang Maha Esa. Atas kepercayaan dan keyakinan tersebutlah para usahawan lebih mengenali hakikat dirinya sebagai hamba dan pemegang amanah yang bertanggungjawab melaksanakan segala titah perintah Allah S.W.T. Impaknya, ia akan melahirkan sifat-sifat ketaqwaan dalam diri individu tersebut yang cenderung kepada jalan-jalan untuk mengerjakan kebajikan.

Penegasan ini diutarakan oleh al-Qur'an, sepertimana firman Allah S.W.T iaitu:

*Maksudnya: "..... dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Dan memberi rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan sesiapa berserah diri kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya. Sesungguhnya Allah melakukan perkara yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah menentukan tiap-tiap sesuatu."*

*(al-Talaq: 2-3)*

Mengulas ayat tersebut, Ibn Kathir (1301-1372/774H) dalam tafsirnya memberikan pandangan bahawa sesiapa yang melaksanakan perintah Allah S.W.T dan meninggalkan laranganNya, maka Allah S.W.T akan membebaskannya dari segala kesulitan, kesempitan dan memberikan rezeki kepadanya dari jalan-jalan yang tidak diketahuinya.

Sehubungan dengan itu, al-Qur'an juga memberi petunjuk kepada manusia amnya termasuklah golongan usahawan bahawa pembentukan jiwa insaniah yang terpuji adalah berasaskan kepada interaksinya yang positif terhadap Allah S.W.T. Untuk mencapai tujuan tersebut, para usahawan khususnya perlu bersikap konsisten dan berpegang teguh kepada cara hidup Islam sebagai satu panduan hidup yang komprehensif. Hanya melalui jalan tersebut, golongan usahawan akan mendapat kekuatan spiritual untuk menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dalam dunia keusahawanan. Golongan yang berpegang kepada prinsip tersebut dan mengaplikasikan segala tuntutan agama dikategorikan sebagai individu yang berjaya. Hal yang sedemikian, disebabkan individu usahawan yang menghayati cara hidup Islam sentiasa memohon hidayah dan *'inayah* kepada Allah S.W.T supaya diberi petunjuk hidayah ke arah jalan yang benar dan sentiasa memohon perlindungan daripada pelbagai pintu fitnah dan kesesatan. Pemahaman ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah S.W.T dalam al-Qur'an:

*Maksudnya: "Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah."*

*(al-Baqarah:16)*

Merujuk kepada ayat tersebut Ibn Kathir (1301-1372/774H) mengemukakan pentafsirannya bahawa penggunaan istilah *اشترؤا* dalam ayat tersebut merujuk kepada mengambil, memilih atau mengutamakan kesesatan daripada petunjuk ajaran Allah dan Rasulullah S.A.W. Golongan manusia tersebut telah keluar daripada petunjuk hidayah dan menuju kepada kesesatan, dari jamaah Islam

kepada perpecahan, daripada keamanan kepada ketakutan. Malah mereka juga meninggalkan Sunnah kepada *bid'ah* yang jelas bertentangan dengan perintah Rasul. Menurut keterangan yang dikemukakan oleh Sayyid Qutb (1906-1966), beliau menegaskan bahawa ayat tersebut mempreskripsikan kerugian yang dihadapi oleh manusia. Mereka mempunyai pilihan dan keupayaan untuk mendapat hidayah kerana petunjuk tersebut telah dianugerahkan namun, golongan tersebut masih lagi memilih untuk membeli kesesatan dengan hidayah. Beliau mengemukakan analogi seperti sikap para peniaga yang bodoh. Sudah tentulah hasil perniagaan mereka tidak akan mencapai keuntungan dan dalam masa yang sama juga golongan tersebut tidak akan mendapat hidayah.

Dalam pada itu, al-Qur'an juga menjelaskan kepada manusia bahawa kehidupan manusia di alam dunia ini adalah sebagai medan ujian untuk melihat darjah ketaatan mereka terhadap Allah S.W.T. Oleh yang demikian, al-Qur'an menegaskan isu tersebut seperti firman Allah S.W.T iaitu:

*Maksudnya: "Sungguh, kamu akan diuji pada hartamu dan diri kamu. Dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang yang telah diberikan Kitab dahulu daripadamu dan orang musyrik yang banyak menyakitkan hati. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki di ambil berat."*

(Ali-`Imran: 186)

Ibn Kathir (1301-1372/774H) mengemukakan pandangannya bahawa setiap orang *mu'min* akan dinilai dengan pelbagai ujian berkaitan dengan harta kekayaannya, dirinya, keturunan, ahli keluarganya seperti ketakutan, kelaparan, kematian, bencana seperti kemarau, banjir dan pelbagai lagi. Semua ujian yang diberikan ini adalah bertujuan untuk menguji darjah keimanan dan keyakinan setiap individu terhadap pegangan agama. Di samping itu, Allah S.W.T juga mengingatkan kepada golongan *mu'min* bahawa mereka akan mendapati banyak ujian dan rintangan daripada kalangan ahli Kitab dan golongan musyrik. Walau bagaimanapun, dugaan yang dihadapi tersebut adalah sebahagian daripada tribulasi dan mehnah yang perlu dihadapi dengan benteng keimanan, ketaqwaan dan kesabaran yang tinggi kepada Allah S.W.T.

Penegasan yang dibuat oleh al-Qur'an berkaitan harta sebagai ujian yang besar kepada manusia perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Hal yang demikian disebabkan elemen harta yang bersifat material mempunyai pengaruh yang besar dalam diri manusia. Ini kerana, tanpa kawalan dan keseimbangan keperluan *duniawi* dan *ukhrawi* mengakibatkan manusia alpa tentangnya. Justeru itu, al-Qur'an menarik perhatian manusia secara serius bahawa sejauhmana manusia berjaya mengatasi dan menguruskan harta yang telah dianugerahkan. Meskipun keperluan terhadap penghasilan dan pencarian harta itu adalah satu perkara yang

dituntut kepada manusia, namun pemfokusan terhadap perkara tersebut tidak boleh dipisahkan dengan keperluan agama. Tanpanya, manusia alpa dikaburi dengan kemewahan sehinggakan mendorong manusia ke arah kerugian dan kemusnahan sebagaimana yang telah menimpa umat yang terdahulu.

Oleh yang demikian, mengambil faedah daripada intisari ayat tersebut diingatkan bahawa para usahawan yang gagal menjadikan agama sebagai penyuluh kehidupannya, menyebabkan golongan tersebut bebas untuk melakukan apa sahaja meskipun ia menyalahi peraturan syara'. Dalam kesibukan menguruskan pekerjaan, mereka mengabaikan solat wajib, tidak mengeluarkan zakat seperti yang difardukan, menipu pengguna dan pelbagai lagi perbuatan yang ditegah syara'. Ternyata perbuatan keji yang dilakukan oleh usahawan tersebut sudah terkeluar daripada lingkungan yang diizinkan oleh syara' (Adnan Alias, 2002). Pada kemuncaknya, ia akan merosakkan fungsi asas manusia dan menjauhkannya daripada mencapai kejayaan. Kekeliruan dan kemufilsan kepada fahaman agama ini menimbulkan gejala-gejala negatif dalam diri manusia yang boleh merosakkan diri dan institusi masyarakat amnya. Dalam hal ini (Syed Hussin Alatas, 1993) menyimpulkan bahawa kegagalan manusia mendokong ajaran agama dalam kehidupan akan menyebabkan berlakunya konflik dalam kehidupan dan berkontradiksi dengan konsep kebahagiaan yang ditaja oleh Islam.

Jika disingkap dari dimensi Sunnah pula, terdapat beberapa hadith yang mengukuhkan lagi bahawa pegangan agama yang kukuh sebagai pra syarat untuk menjadi individu atau sebagai usahawan berjaya. Antara hadith-hadith yang berkaitan seperti:

Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*Humaid bin `Abd al-Rahman R.A mengatakan bahawa ia mendengar Mu`awiyah berkhotbah, katanya, "Dia mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Barangsiapa dikehendaki Allah akan memperolehi kebaikan, diberinya kefahaman dalam hal agama. Aku hanya membahagi-bahagikan, sedang yang memberinya ialah Allah. Selama (umat Islam) berdiri teguh di atas agama Allah, tidak ada seorangpun penentang-penentang mereka yang sanggup membinasakan mereka sehingga kiamat kelak."*

*(Bukhari)*

Dalam keterangan yang lain bermaksud:

*Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesungguhnya Allah menyukai terhadap tiga perkara dan membenci tiga perkara. Perkara yang disukaiNya: 1. Hendaklah engkau menyembah Allah dan*

*jangan mempersekutukannya dengan sesuatu apapun; 2. Hendaklah kamu semua berpegang teguh terhadap agamanya; Dan 3. Janganlah kamu berpecah-belah. Perkara yang dibencinya. 1. Banyak berdesas-desus; 2. Banyak bertanya; 3. Mensia-siakan harta (membelanjakan harta tidak bersesuaian dengan ketentuan agama, dan pemboros.”*

(Muslim)

Berdasarkan kepada *dalil-dalil* Sunnah yang dibentangkan tersebut jelaslah bahawa Rasulullah S.A.W telah memberi penegasan kepada umatnya supaya sentiasa meletakkan kepentingan agama melebihi daripada segala-galanya. Ini kerana, pegangan dan penghayatan keagamaan yang tinggi dalam diri usahawan akan menjamin keselamatan dan menjanjikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pemahaman umum daripada intisari hadith yang disampaikan oleh Baginda S.A.W memberi panduan dan pedoman khususnya kepada golongan usahawan bahawa *mu'min* yang berjaya ialah individu yang berjaya mempraktikkan ketentuan agama yang *ditaklifkan* ke atasnya. Ini kerana, pemahaman dan penghayatan terhadap keperluan syari'at Islam adalah merupakan satu perkara asasi yang dituntut kepada setiap individu yang mengaku sebagai seorang *muslim*.

Oleh itu, sekiranya aktiviti pengolahan dan penerokaan dalam pelbagai bidang yang diceburi oleh para usahawan tidak ditunjangi dengan teras keagamaan yang kukuh nescaya diri mereka mudah terpengaruh dengan kekuasaan material. Pada kemuncaknya, apabila nilai-nilai materialistik mempengaruhi mereka maka sudah tentulah apa sahaja ketentuan dan larangan agama sudah tidak diberi perhatian lagi. Pokoknya, keuntungan yang ditagih akan diperolehi dengan apa cara sahaja meskipun ia bertentang dengan kerangka *mu`amalah* Islam. Apa yang jelas harta bukanlah matlamat keutamaan yang penting dalam kehidupan Islam. Objektif kehidupan insan adalah kepatuhan yang tinggi kepada cara hidup Islam yang bersepadu. Namun begitu, Islam tidak menafikan aktiviti pengumpulan harta tetapi sebaliknya ia perlu dimanfaatkan untuk kepentingan umum dan bukannya untuk individu tertentu sahaja.

Ketaatan dan penghayatan agama yang kuat dalam kalangan usahawan akan merangsang mereka berlumba-lumba mengerjakan amalan kebaikan dan sentiasa berusaha untuk menjadi individu usahawan yang terbaik. Atas asas yang demikian, elemen keagamaan ini merupakan sebahagian daripada kunci kejayaan seseorang individu usahawan *muslim*. Ia bukan sahaja memberi panduan kepada golongan usahawan tetapi juga bertindak sebagai elemen kawalan yang memelihara tingkah-laku para usahawan supaya memenuhi tata kelakuan sebahagian seorang *mu'min*. Berdasarkan keterangan tersebut jelaslah bahawa kemuncak kebahagiaan dan kejayaan manusia adalah terletak kepada kebergantungan mereka kepada *manhaj Ilahi* sepertimana yang telah termaktub

dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Kejayaan dan kebahagiaan yang dikejar oleh setiap individu manusia tidak akan dapat dicapai dengan sempurna melainkan dengan bimbingan wahyu sama ada dalam konteks aqidah, ibadah dan juga *mu'amalah* sesama manusia. Cerminan kejayaan individu *muslim* itu dapat dilihat daripada kehidupannya yang sentiasa mendapat perlindungan dan kerahmatan daripada Allah S.W.T.

Kebanyakan para sarjana telah bersetuju bahawa usahawan berjaya adalah individu yang berjaya menghayati tuntutan keagamaan dalam amalan mereka. Sebagai contoh, usahawan yang berjaya ialah individu bersikap pro aktif mencari peluang, bijak menggunakan strategi untuk mengembangkan perniagaan bagi tujuan mencari keuntungan. Meskipun begitu, dalam usaha merencanakan pelaksanaan tersebut individu tersebut perlu sedar terhadap obligasi dan kapasitinya sebagai hamba Allah. Malah individu usahawan yang memiliki kesedaran tersebut sentiasa bertanggungjawab terhadap keutamaan-keutamaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh agama kepada mereka. Menurut kajian yang dilakukan oleh (Sudin Haron,1990) beliau mendapati usahawan yang berjaya ialah individu yang sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepadanya. Atas keyakinan inilah para usahawan *muslim* sentiasa memberi perhatian kepada amalan yang mendatangkan pahala, mengutamakan etika yang sihat dan mengusahakan aktiviti yang diredhai oleh syara' (Mushtaq Ahmad, 1995).

Oleh kerana itu, usahawan *muslim* yang berjaya sentiasa meletakkan visi yang suci untuk mendapat ganjaran keretaan *Ilahi*. Namun begitu, kunci untuk membuka pintu tersebut hanyalah boleh diperolehi melalui ketaqwaan yang tinggi kepada Allah S.W.T. Malah sarjana seperti (Geoffrey Meredith, 1982), (M. Scarborough dan Thomas W. Zimmerer, 1996) memperakui bahawa usahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri seperti memiliki dorongan untuk berprestasi, mempunyai keupayaan tenaga yang tinggi mengutamakan kualiti dan pengawasan. Pendapat yang dikemukakan oleh (Astamoen, 2005) pula mengutarakan individu yang memiliki jiwa keusahawanan antaranya ialah berjiwa sosial dan bersifat altruistik iaitu mengutamakan kebajikan umum. Tidak dinafikan lagi bahawa ciri-ciri positif yang dinyatakan tersebut secara implisitnya adalah didorong oleh kepercayaan dan keyakinan serta motivasi yang tinggi kesan daripada penghayatan kepada kehidupan beragama.

#### **4. AKTIVITI YANG HALAL**

Islam menyeru umatnya supaya berusaha dengan gigih dalam aktiviti pencarian rezeki. Jika ditinjau daripada skop keusahawanan, setiap tindakan dan usaha yang dilakukan oleh setiap pengusaha adalah terikat dengan konsep yang diistilahkan sebagai ibadah. Oleh kerana ia dinilai sebagai ibadah, sudah tentulah ia perlu dilakukan secara ikhlas dan jujur berasaskan kepada ketaatan dan kepatuhannya

kepada Allah S.W.T yang Maha Berkuasa. Di samping itu juga, setiap aktiviti dan amalan yang terangkum dalam skop keusahawanan tersebut perlu terikat sepenuhnya kepada tata cara *mu`amalah* Islam. Bertitik-tolak daripada pengertian tersebut, Islam menuntut kepada setiap individu manusia supaya berusaha mengolah segala sumber yang dianugerahkan untuk memenuhi keperluan mereka dengan cara yang halal dan bersih daripada unsur-unsur kekejian yang menyalahi prinsip syara`. Keperluan untuk mematuhi perkara tersebut adalah merupakan sebahagian daripada perkara asas sebagaimana yang dituntut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pada hakikatnya, kodifikasi tata kelakuan manusia sama ada pada domain yang dizinkan oleh syara` atau sebaliknya telahpun dijelaskan oleh al-Qur'an. Umumnya, al-Qur'an telah memberi penegasan kepada manusia supaya *bermu`amalah* dengan jalan yang *haq* dan dihalalkan oleh syara`. Petunjuk ini adalah berasaskan kepada firman Allah S.W.T antaranya iaitu:

*Maksudnya: Katakanlah: Adakah kamu lihat apa yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal? Katakanlah lagi: Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?*

*(Yunus: 59)*

Ibn Kathir(1301-1372/774H) memberikan pandangannya bahawa Allah S.W.T mencela golongan yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan rezekiNya tetapi sebahagian daripada rezeki tersebut dinyatakan haram dan sebahagian daripada yang lain ditafsirkan halal menurut keperluannya sendiri. Secara relatifnya, manusia tersebut hanya menurut kehendak hawa nafsu dan akal fikiran semata-mata tanpa bersandarkan kepada tafsiran agama. Oleh yang demikian, manusia yang bertindak mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah S.W.T diancam dengan azab siksaan yang pedih pada hari akhirat kelak disebabkan mereka dianggap mengada-adakan kedustaan terhadap Allah.

Dalam pada itu, al-Qur'an juga memberi petunjuk kepada manusia tentang garis panduan perkara yang halal dan haram dalam aktiviti transaksi sesama mereka. Ia bertujuan untuk memberi gambaran kepada manusia tentang kodifikasi hukum yang berkaitan perbuatan yang dibenarkan atau ditegah oleh syara`. Dalam persoalan ini, ia boleh dipetik berdasarkan kepada firman Allah S.W.T:

*Maksudnya: "Iaitu orang yang mengikut Rasulullah Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka mengerjakan yang baik,*

*dan melarang yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka yang baik-baik, dan mengharamkan yang buruk; dan ia menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Qur'an), mereka itulah orang yang berjaya."*

*(al-A`raf: 157)*

Dalam memberi penafsiran ayat tersebut, Imam Ibn Kathir(1301-1372/774H) menjelaskan bahawa tafsiran ayat " ويحل لهم الطيبات ويحرم عليهم الخبائث " memberi maksud menghalalkan apa yang diharamkan oleh orang pada masa jahiliah daripada makanan yang baik dan mengharamkan semua yang keji dan berbahaya seperti daging babi, bangkai dan riba. Daripada penjelasan tersebut ia memberi gambaran bahawa setiap perkara yang dihalalkan oleh Allah S.W.T mengandungi rahsia atau kebaikan untuk tubuh badan manusia dan memelihara kepentingan agama. Begitu juga dengan perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T sudah tentulah ia mengundang bahaya kepada tubuh badan dan juga kepada agama. Secara amnya, pada ayat 157 tersebut Allah menyatakan berkenaan dengan rahmatNya yang meliputi setiap sesuatu. Walau bagaimanapun, rahmat Allah tersebut hanya dianugerahkan kepada manusia yang beriman, bertaqwa dan mematuhi perintah Nabi Muhammad S.A.W. Selayaknya, golongan inilah yang pasti akan memperolehi keuntungan, kebahagiaan dan kejayaan dunia serta akhirat.

Tuntutan kepada para pengusaha supaya memberi keutamaan kepada aktiviti yang sihat dan dihalalkan oleh syara` serta tidak terlibat dengan aktiviti yang negatif banyak ditegaskan dalam al-Sunnah antaranya, seperti sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*".....Sesungguhnya para pedagang akan dibangkitkan kelak pada hari kiamat sebagai orang yang curang, kecuali orang-orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat kebajikan dan jujur."*

*(al-Tirmidhi)*

Dalam keterangan hadith yang lain sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*"Ada tiga golongan di mana Allah tidak mahu melihat mereka, tidak mensucikan dan mereka mendapat seksaan yang sangat*

*menyakitkan. Salah satu daripada mereka adalah orang yang memasarkan dagangannya dengan sumpah palsu.”*

*(al-Tirmidhi)*

Begitu juga dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A (603-681) bahawa Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya:

*"Sesiapa yang ada di tangan kepunyaan saudaranya, diperolehi dengan jalan tidak halal, hendaklah diadakannya penyelesaian, kerana di situ (di akhirat) nanti tidak ada dinar dan dirham (untuk membayar). Jangan sampai nanti diambil kebaikannya untuk diberikan kepada saudaranya. Setelah habis kebaikannya, diambil dosa saudaranya lalu ditimpakan kepadanya."*

*(al-Bukhari)*

Berasaskan kepada hadith yang telah dibentangkan tersebut dapat difahami bahawa Islam mengharamkan sebarang bentuk perdagangan atau perusahaan yang mengandungi unsur-unsur kezaliman, ketidakadilan, penindasan, diskriminasi dan sebagainya. Ini kerana, sifat-sifat tersebut mempunyai stigma nilai yang tercela dengan fitrah agama dan manusia. Tambahan lagi pendapatan yang diperolehi dengan jalan yang salah tersebut bukan sahaja tidak mendapat keberkatan tetapi juga mematikan nilai-nilai kebaikan dalam diri usahawan. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali (450H-505H) telah menyatakan bahawa setiap individu manusia wajib berusaha untuk mencari makanan melalui jalan yang diiktiraf dan dihalaikan oleh syara`. Beliau telah membuat satu garis panduan tentang perkara tersebut iaitu yang pertama, sesuatu harta itu dikategorikan sebagai haram disebabkan zat benda itu sendiri. Kedua, sesuatu harta itu ditaksirkan sebagai haram disebabkan perkara yang mendatang seperti perolehan harta tersebut didapati daripada sumber yang tidak betul.

Menurut Muhammad (‘Uthman Syabir, 1996) pada dasarnya syara` telah memberi garis panduan umum kepada manusia dalam urusan *mu`amalah* bahawa segala bentuk akad dan terma-terma yang diimplementasikan dalam kontrak *mu`amalah* adalah bersifat harus. Walau bagaimanapun, keharusan ini adalah terbatas dan terhad jika terdapat peruntukan daripada nas yang melarang dan mengharamkannya. Secara itlaknya, Muhammad Abu Zahrah (1898-1974) menukulkan indikasi-indikasi yang perlu difahami untuk mengenalpasti tindakan yang mempunyai perkaitan dengan hukum *taklifi*.

Berdasarkan kepada petunjuk wahyu dan pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama’, usahawan berjaya menurut kerangka keusahawanan Islam sentiasa teliti dalam tindakan dalam menerokai, mencipta dan merebut peluang serta mencari sumber-sumber perolehan supaya ia tidak menyalahi kehendak

syara`. Sebagai contoh, dalam aspek sumber perolehan, usahawan berjaya sentiasa peka dan bersikap berhati-hati berkenaan dengan sumber modal yang menjadi penjana utama aktiviti yang diusahakannya. Hal yang demikian disebabkan sumber yang halal dan bersih daripada segala unsur yang diharamkan oleh syara' akan memberikan impak kepada diri dan pembangunan usahawan.

Apa yang jelas sumber yang halal akan menjanjikan natijah kebaikan dan keuntungan kepada para usahawan bukan sahaja di dunia tetapi yang lebih penting keredaan Allah S.W.T pada hari akhirat kelak. Sebagai contoh, sumber pembiayaan kewangan seperti modal untuk menggerakkan aktiviti perdagangan ataupun membiayai entiti aktiviti tersebut. Jika sumber kewangan tersebut didapati melalui pinjaman sudah tentulah ia perlu dipastikan institusi kewangan ataupun agensi-agensi yang membiayai bantuan kemudahan tersebut adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip syara`. Setiap transaksi yang berlaku tersebut perlu bebas daripada unsur-unsur *gharar* dan *riba*. Ini kerana, unsur-unsur tersebut jelas dilarang oleh Islam. Begitu juga dengan hasil pandangan yang diperolehinya sama ada melalui aktiviti perdagangan, pelaburan, pertanian, perindustrian, perikanan dan sebagainya perlu ditunaikan kewajipan-kewajipan tertentu seperti zakat perniagaan (Abu Ubayd, 1989) simpanan dan lain-lain.

Melihat kepada kepentingan tersebut, al-Maududi (1903-1979) telah menegaskan bahawa setiap individu *muslim* termasuklah golongan usahawan perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam meneroka atau melaburkan modal dalam sesuatu perusahaan. Adalah perlu dipastikan modal tersebut dilaburkan dalam prospek pelaburan yang halal meskipun pulangan keuntungan adalah minimum berbanding dengan pelaburan pada sektor yang mengandungi unsur-unsur yang diharamkan oleh syara`. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa skop keusahawanan Islam bukanlah cenderung kepada motif keuntungan sehingga menafikan ketentuan dalam agama. Sebaliknya, setiap aktiviti yang dijana atau dirancang perlu dilihat kepada kaca mata penilaian agama dan *kemaslahatan* umat manusia amnya. Apa yang nyata, pelaburan atau penjanaan aktiviti harta pada jalan yang salah pasti memusnahkan keharmonian institusi masyarakat dan penyebab kepada pelanggaran hak orang ramai.

## **5. BERILTIZAM DENGAN NILAI-NILAI BERPAKSIKAN ISLAM**

Nilai-nilai terpuji yang diberi penekanan oleh keusahawanan Islam seperti memiliki motivasi diri yang tinggi, mengutamakan kualiti, berusaha dengan gigih dalam setiap bidang yang diceburi oleh golongan tersebut. Para usahawan juga perlu bersikap berani menerokai sesuatu bidang meskipun berdepan dengan pelbagai risiko yang berpotensi sama ada mendatangkan keuntungan ataupun berdepan dengan kerugian. Namun, sebagai usahawan *muslim* setelah berusaha dengan tekun pada hujungnya terletak satu pengharapan yang tinggi kepada Allah S.W.T dengan berserah dan bertawakkal penuh kepadaNya serta tidak

berputus asa. Itulah nilai-nilai murni terpuji yang perlu dihadap dalam diri individu usahawan *muslim*. Pegangan dan penghayatan kepada nilai-nilai tersebut adalah berasaskan kepada firman Allah S.W.T dalam al-Qur'an. Pada hakikatnya, banyak petunjuk daripada ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru manusia menghayati nilai-nilai terpuji seperti menjadi insan yang bermartabat tinggi, rendah hati, bertawakkal, mengutamakan kualiti, menguruskan sesuatu secara sempurna, mengagungkan nilai-nilai kebenaran dan pelbagai lagi nilai yang mulia. Antaranya firman Allah S.W.T:

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman."*

(Ali `Imran:139)

Dalam ayat tersebut, Ibn Kathir (1301-1372/774H) mengemukakan pandangannya bahawa Allah S.W.T melarang hamba-hambanya menjadi lemah dan bersedih hati di atas penderitaan yang dihadapi oleh mereka pada peperangan *Uhud*. Ini kerana, pada akhirnya kemenangan akan berpihak juga kepada orang mukmin. Sudah menjadi Sunnah, Allah memberi giliran masa kehancuran dan kejayaan di antara manusia. Berasaskan kepada pengertian ayat yang mulia tersebut, ia memberi pengajaran kepada umat Islam supaya mengambil *istifadah* daripada ruh dan semangat yang ditunjukkan oleh para pejuang Islam yang bertempur di medan peperangan. Semangat juang yang tinggi tersebut perlulah diterjemahkan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia ketika menghadapi sebarang ujian. Begitu juga dalam lapangan usahawan, golongan tersebut perlu menjiwai semangat juang dan motivasi tinggi yang telah ditunjukkan oleh umat Islam terdahulu. Dengan adanya semangat dan sikap sedemikian, para usahawan *muslim* akan sentiasa bersikap positif, dan tidak mudah berputus asa dalam apa jua situasi dan pelbagai rintangan yang bakal dihadapi mereka. Hal yang sedemikian adalah disebabkan kekuatan keimanan yang jitu diperlihatkan oleh usahawan *mu'min* menjadi benteng kekuatan untuk terus berusaha memartabatkan agama dan kepentingan umat Islam amnya. Dalam ayat yang lain, seperti keterangan Allah S.W.T:

Maksudnya: *"Dan katakanlah: Beramallah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan."*

(al-Taubah:105)

Terangkum dalam pengertian ayat tersebut, (Yusuf al-Qaradawi, 2001) memberi ulasanya bahawa terdapat dua bentuk tindakan yang menjadi asas kepada aktiviti pekerjaan iaitu amanah dan ikhlas. Kedua-dua elemen tersebut perlu diintegrasikan dalam diri setiap individu *muslim* secara bentuk yang sempurna mengikut pengertian agama. Sebagai contoh, seorang individu *muslim* yang bekerja bukan hanya semata-mata memfokuskan usahanya untuk memperolehi faedah keuntungan material bagi memenuhi kehendak majikannya. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya ia dituntut untuk bersikap amanah dan mempraktikkan nilai ikhlas dalam setiap bidang pekerjaannya disebabkan dirinya sentiasa dipantau oleh Allah S.W.T. Dalam masa yang sama juga ia juga bertindak untuk menjaga hak sesama saudara *mukminnya* yang lain yang merupakan penolong dan juga pengawas atas dirinya sendiri. Semua yang dilakukan tersebut adalah bertujuan untuk mendapat keredaan dan juga ganjaran daripada Allah S.W.T kelak. Sebaliknya, golongan manusia yang menafikan dan meremehkan nilai-nilai tersebut akan luput sikap amanah dan keikhlasan dalam jiwa mereka. Kesannya, ia akan mematikan nilai kebenaran dan merosakkan hati serta akal disebabkan mereka jauh dari petunjuk keredhaan Allah dan bersikap alpa daripada memikirkan balasan pada hari pembalasan kelak.

Para usahawan perlu mencontohi nilai-nilai terpuji yang ada pada diri Rasulullah S.A.W dalam seluruh kehidupan mereka. Terdapat banyak nilai murni yang ditinggalkan oleh Baginda untuk dicontohi oleh umatnya dalam amalan keusahawanan seperti amanah, strategi yang berhikmah dan menjalankan transaksi menurut syari'at. Justeru itu, al-Qur'an dan al-Sunnah telah memperakui nilai-nilai murni yang baik adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Apa yang perlu ditekankan ialah amalan keusahawanan yang diikat dengan keyakinan nilai-nilai yang murni merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam pembangunan keusahawanan. Apabila nilai-nilai murni diabadikan dalam amalan keusahawanan ia akan membantu para usahawan supaya tidak terpengaruh dengan penyakit-penyakit moral seperti materialistik, egoistik ('Ali al-Qurayshy, 1981) dan penyakit-penyakit tercela yang lain dikenakan azab yang pedih. Peringatan ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah S.W.T:

*Maksudnya: "Sesiapa yang mahukan kemuliaan, maka bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada-Nyalah naik segala perkataan yang baik dan amal yang soleh pula di angkat-Nya naik. Dan orang yang merancang kejahatan, adalah bagi mereka azab seksa yang berat; dan rancangan jahat mereka akan rosak binasa."*

(*Fatir:10*)

Ibn Kathir (1301-1372/774H) menerangkan bahawa sesiapa yang berhajatkan kemuliaan pada dirinya, hendaklah ia tekun taat kepada Allah. Ini kerana, ucapan-ucapan dan perkataan-perkataan yang baik serta perbuatan yang baik

diterima oleh Allah. Sebaliknya perbuatan yang jahat akan disediakan kepada golongan tersebut azab yang pedih.

Dari perspektif Sunnah pula, terdapat beberapa hadith yang menekankan tentang kepentingan nilai-nilai yang perlu dihayati oleh para usahawan. Antaranya Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*"Apakah pencarian yang paling baik? Baginda menjawab maksudnya: "Orang yang bekerja dengan tangannya dan tiap-tiap jual beli yang bersih."*

*(al-Badhar)*

Hadith lain pula menjelaskan daripada Abu Hurairah, Nabi Muhammad S.A.W bersabda yang bermaksud:

*"Daripada Ibn `Umar R.A., katanya: Seorang lelaki mengadu kepada Rasulullah S.A.W bahawa dia ditipu orang dalam jual beli. Maka Rasulullah S.A.W bersabda, "katakan kepada si penjual: Jangan menipu! Maka sejak itu, apabila dia melakukan jual beli, selalu diingatkannya, 'Jangan menipu!'."*

*(Muslim)*

Berdasarkan kepada hadith-hadith yang dibentangkan tersebut, jelaslah bahawa Nabi Muhammad S.A.W memberi petunjuk kepada umatnya khususnya terhadap golongan usahawan ataupun pedagang berasaskan kepada mekanisme yang mengaitkan aktiviti perniagaan dengan tuntutan agama. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Islam menyeru pengikutnya yang menceburi dalam dunia keusahawanan supaya mempraktikkan nilai-nilai murni dalam setiap transaksi yang dijalankan dan mencela terhadap golongan yang bertindak di luar kehendak agama. Oleh kerana amalan keusahawanan sebahagian daripada pengertian agama, sudah tentulah peningkatan prestasi aktiviti yang diusahakan perlu disinergikan dengan peningkatan nilai-nilai (Nik Mustapha Nik Hassan, 1996) murni yang difahami dan dihayati oleh para usahawan *muslim*. Ini kerana, nilai-nilai murni yang terangkum dalam kerangka *mu`amalah* Islam bertindak sebagai pemangkin yang positif dalam melahirkan usahawan berjaya dari setiap dimensi yang bersifat holistik.

Malah sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah S.A.W telah memberikan contoh yang terbaik sebagai seorang usahawan. Peribadi Rasulullah S.A.W yang kaya dengan nilai-nilai luhur telah berjaya meletakkan diri Baginda sebagai salah seorang usahawan yang berjaya pada masa tersebut. Baginda telah memperlihatkan nilai-nilai murni yang terpancar dalam dirinya sebagai usahawan seperti memiliki nilai spiritual yang tinggi, mengamalkan sikap profesional,

menekankan nilai-nilai integriti, taat setia (Muslim Kelana 2008), sederhana dan sebagainya. Contoh-contoh nilai terpuji yang dizahirkan oleh Baginda S.A.W membentuk asas kerangka budi pekerti manusia seperti sifat beramanah dan bertanggungjawab, pemurah dan dermawan, penyayang, pengampun, adil dan saksama, wara`, berani dan keperwiraan, tawaduk, sabar, jimat cermat dan banyak lagi sifat kesederhanaan seperti yang digalakkan oleh agama Islam.

Dalam pada itu, (Gary Hendricks dan Kate Ludman, 1997) melalui kajian yang dijalankan terhadap para usahawan berjaya mendapati golongan yang sentiasa mempraktikkan nilai-nilai murni dalam amalan mereka. Kajian tersebut mendapati secara umumnya, nilai-nilai tertinggi yang menjadi pegangan usahawan berjaya seperti jujur, bertanggungjawab, menepati janji, tidak mengumpat dan mencampuri hal orang lain, meluangkan masa untuk berfikir, membuat senarai keutamaan dan terbuka dengan kritikan para pelanggan serta merangka strategi dengan baik seperti pemilihan lokasi, produk yang hendak dipasarkan dan sebagainya. Jika diamati jelaslah bahawa nilai-nilai tersebut adalah merupakan sebahagian daripada nilai-nilai terpuji yang dianjurkan oleh keusahawanan Islam. Secara itlaknya, nilai-nilai murni yang diikat dengan ketentuan agama akan memberi kesan yang positif dalam diri individu usahawan. Berdasarkan kepada nilai-nilai murni yang dijelaskan tersebut dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai murni yang dituntut untuk dipraktikkan oleh usahawan berjaya seperti amanah, strategi yang berhikmah, melaksanakan transaksi menurut syari`at dan sederhana.

## **6. MENGINFAQKAN HARTA**

Sehubungan dengan itu, antara ciri-ciri umum usahawan berjaya menurut kerangka keusahawanan Islam ialah individu yang melazimi dirinya *menginfaqkan* sebahagian daripada hartanya ke jalan yang diredai oleh Allah S.W.T. Penekanan kepada faktor ini adalah berasaskan kepada tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah. Secara tersiratnya, syara` menyeru kepada umat manusia supaya *menginfaqkan* sebahagian daripada harta mereka kepada golongan tertentu supaya pengagihan kitaran harta kekayaan dapat dilakukan secara adil dan saksama dalam institusi masyarakat (Mushtaq Ahmad, 1995). Oleh kerana kepatuhan manusia terhadap tuntutan tersebut secara tidak langsung, ia dapat mengelakkan berlakunya monopoli dan penimbunan harta dalam kelompok individu tertentu. Dalam masa yang sama juga ia dapat membersihkan jiwa manusia daripada sifat-sifat yang keji seperti bakhil, individualistik, tamak dan sebagainya.

Jika dilihat dari skop pandangan al-Qur'an pula didapati banyak ayat yang menyeru manusia supaya *menginfaqkan* sebahagian daripada harta yang diperolehi. Antaranya firman Allah S.W.T iaitu:

Maksudnya: ”Bukanlah suatu kebajikan itu kamu menghadapkan muka ke timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, segala malaikat, segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mendirikan sembahyang, serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan kesakitan, dan dalam peperangan. Mereka itulah orang yang benar; dan mereka itulah juga orang yang bertakwa.”

(*al-Baqarah*: 177)

Dalam persoalan perhubungan dengan masyarakat berdasarkan ayat tersebut, Ibn Kathir (1301-1372/774H) berpendapat setiap individu *muslim* juga dituntut supaya melakukan sedekah kepada golongan yang memerlukan, mengeluarkan zakat dan *menginfakkan* sebahagian daripada harta mereka ke jalan Allah S.W.T. Beliau telah memetik sebuah hadith yang bermaksud:

“*Abu Hurairah R.A mengatakan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Sedekah yang paling utama ialah anda bersedekah ketika anda sihat, rasa kedekut, masih mengharap untuk menjadi kaya dan takut miskin.*”

(*Bukhari*)

Kesimpulannya, beliau mengulas bahawa orang yang memiliki sifat-sifat yang diperihalkan dalam ayat tersebut ialah individu yang beriman dan memiliki ketaqwaan yang tinggi terhadap Allah S.W.T. Hal yang demikian, disebabkan individu tersebut telah menyempurnakan tuntutan fitrah yang merangkumi hati, perasaan, pemikiran dan amal perbuatan dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan.

(Wahbah al-Zuhayli, 1991) pula mengutarakan pandangannya bahawa firman Allah S.W.T yang bermaksud ”*dan mendermakan harta yang dicintainya*” merujuk kepada sedekah yang dikategorikan wajib iaitu zakat dan terangkum juga bagi maksud sedekah sunat. Beliau mengemukakan hujah yang disokong oleh al-Jassas menyatakan bahawa ayat ini tidak menyentuh persoalan sedekah wajib. Sebaliknya, ia mengandungi objektif untuk menggalakkan aktiviti sedekah dan menjanjikan ganjaran kepada para pelakunya. Alasan yang dikemukakan kerana perbuatan yang dimaksudkan dalam ayat tersebut secara literalnya diistilahkan sebagai kebajikan. Oleh yang demikian, ayat tersebut mengandungi konotasi makna yang boleh difahami sebagai sedekah wajib (zakat) dan juga sedekah sunat. Secara keseluruhannya, individu yang patuh kepada

tuntutan ayat tersebut disifatkan sebagai melaksanakan segala kebajikan. Sebagai penghormatannya, Allah S.W.T mengklasifikasikan golongan manusia tersebut sebagai individu yang jujur dan bertaqwa.

Di samping dalil-dalil daripada al-Qur'an, didapati banyak hadith yang menyeru manusia melaksanakan aktiviti *infaq* sebagai memenuhi tuntutan syara'. Di antara keterangan hadith yang berkaitan dengan *infaq* seperti sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

*Daripada `Abd Allah ibn Umar R.A, katanya ketika Rasulullah S.A.W sedang berada di atas mimbar, Baginda menjelaskan perihal sedekah (`iffah)<sup>2</sup> dan perihal meminta-minta. Sabda Baginda: Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Tangan di atas iaitu tangan yang memberi dan tangan yang di bawah iaitu tangan yang meminta.*

*(al-Bukhari)*

Dalam keterangan hadith yang lain yang bermaksud:

*"Daripada Abu Hurairah R.A berkata: Nabi S.A.W bersabda: "Setiap hari turun dua orang malaikat dari langit, salah seorang daripadanya berkata, Ya Allah! Gantikanlah bagi setiap orang yang pemurah keranaMu. Dan yang lain berkata, Ya Allah! Musnahkanlah harta setiap orang yang menahan-hannya (hartanya daripada bersedekah)."*

*(al-Bukhari)*

Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang telah dinyatakan tersebut jelaslah bahawa syara' menuntut kepada manusia melakukan aktiviti *infaq* untuk dikongsiikan lebihan harta manusia untuk disumbangkan kepada institusi masyarakat. Tambahan lagi sebagai seorang usahawan, golongan ini berkewajipan melakukan *infaq* sama ada yang berbentuk wajib seperti zakat dan juga yang berbentuk sunat seperti bersedekah. Dengan cara *menginfaqkan* hartanya pada jalan Allah secara tidak langsung usahawan terbabit telah melakukan satu pelaburan yang paling menguntungkan bukan sahaja di dunia tetapi yang lebih penting di alam akhirat kelak. Ini kerana, individu tersebut telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya di dunia ini terhadap insan yang memerlukan dan juga membahagiakan orang lain dalam memenuhi keperluan asas mereka. Sehubungan dengan itu, tuntutan Islam ke atas individu *muslim*

---

<sup>2</sup>(*`Iffah*) bermaksud terpelihara daripada perkara-perkara yang mengaibkan antaranya seperti meminta-minta. Rujuk al-Bukhārī (1981), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 2, h: 113.

melakukan *infaq* terhadap orang lain adalah bertujuan supaya umat Islam mengutamakan kepentingan umum berbanding dengan keperluan peribadi.

Menurut kajian yang dilakukan oleh (Mushtaq Ahmad, 1995) beliau mendapati keterangan-keterangan yang ada dalam al-Qur'an menunjukkan tidak kurang daripada sebelas ayat yang menyeru kepada golongan *muslim* supaya mengorbankan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Apa yang menariknya al-Qur'an menarik perhatian manusia dengan menegaskan harta terlebih dahulu daripada terma jiwa. Secara implisitnya, ia memberi satu indikasi yang jelas kepada manusia bahawa menurut kaca mata al-Qur'an mengorbankan yang pertama lebih diutamakan daripada yang kedua (Al-Tahawi, 1974). Keterangan inilah yang mengukuhkan lagi bahawa *infaq* merupakan aktiviti yang diberi penekanan dalam Islam. Oleh yang demikian, segala perolehan atau pendapatan yang didapati akan menjadi nikmat dan kebajikan jika ia disalurkan ke arah jalan-jalan kebaikan.

Tegasnya, merujuk kepada panduan yang dinukilkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah mengisyaratkan bahawa manusia melakukan *infaq* ke jalan Allah akan mendapat faedah dan manfaat yang tidak terhingga daripada Allah S.W.T. Ternyata melalui amalan tersebut ia dapat menyuburkan lagi keberkatan terhadap harta yang diperolehi tersebut. Di samping itu juga, amalan tersebut akan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda daripada Allah S.W.T. Dalam pada itu, ia juga dapat membentuk jalur-jalur persekitaran yang adil dan harmoni dalam institusi masyarakat amnya.

## **7. BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI, KELUARGA DAN PEKERJA**

Islam memberi petunjuk yang sempurna kepada manusia khususnya kepada golongan usahawan bagi memenuhi tanggungjawab terhadap dirinya atas kapasitinya sebagai seorang individu *muslim*. Menurut (Wajdy Ghanim, 2007) sebagai pengusaha ia tertakluk kepada hak-hak tanggungjawab yang perlu disempurnakan ke atas dirinya meliputi pemilihan nama (nama syarikat atau agensi) yang baik, memelihara sembahyang, memelihara syi'ar Islam, menundukkan pandangan, menunaikan zakat, bersedekah, berakhlak terpuji dan bertawakkal serta mengharapkan keredaan Allah. Semua tuntutan yang telah digariskan tersebut adalah berkaitan dengan tanggungjawab diri sebagai seorang pengusaha seperti yang telah disentuh oleh al-Qur'an.

Oleh yang demikian, apabila hak-hak berkaitan dengan diri dipenuhi oleh para pengusaha secara sempurna sudah tentulah individu tersebut telah berjaya mematuhi sebahagian daripada seruan agama terhadapnya. Sifat-sifat pengusaha seperti inilah yang dikehendaki oleh Islam yang sentiasa mematuhi perintah agama dan berusaha dengan tekun terhadap apa yang dilakukannya.

Golongan pengusaha yang mematuhi perintah tersebut sentiasa mendapat petunjuk dan taufiq daripada Allah S.W.T. Gambaran ini dinukilkan oleh al-Qur'an, firman Allah S.W.T :

Maksudnya: ”(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara kerohanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Kami membahagi-bahagikan antara mereka keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini; dan Kami telah meninggikan darjat setengah mereka dari setengahnya yang lain; supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan.”

(al-Zukhruf: 32)

Dalam ayat tersebut, Ibn Kathir (1301-1372/774H) melontarkan pandangannya bahawa pada kemuncaknya, rahmat Allah adalah lebih baik daripada habuan dunia yang dihimpun dan dikumpul oleh manusia. Tegasnya, pemberian rezeki oleh Allah S.W.T kepada hambaNya adalah tanda kasih dan redha terhadap golongan manusia. Sebaliknya, mereka yang ditipu oleh kemewahan dan kesenangan dunia yang bersifat sementara senantiasa terpedaya dengan kepalsuan keindahan dunia. Begitu juga dengan para usahawan yang hanya memikir dan memfokuskan kepada objektif keuntungan dunia semata-mata dengan menafikan keperluan tuntutan agama. Akibatnya, sudah tentulah jiwa dan pemikiran mereka mudah terpesona (Ghazali, 1982) dengan imbuhan material. Ini kerana, selera nafsu manusia terhadap terhadap material tidak terbatas dan tidak pernah puas dengan nikmat yang diperolehi. Akibatnya, jiwa mereka yang lompong dari cahaya agama akan mudah diisi dengan pujukan hawa nafsu dan bisikan syaitan yang sentiasa mengintai peluang menyeru manusia kepada kesesatan. Perlakuan manusia yang bersifat sedemikian akan menjatuhkan reputasi manusia yang tinggi sebagai pentadbir alam kepada tahap yang lebih hina daripada status haiwan.

Dalam pada itu, usahawan yang berjaya sentiasa memberi fokus terhadap aktiviti yang diusahakannya. Meskipun begitu, kesibukan yang dihadapi oleh para usahawan tersebut tidak menghalang mereka untuk menunaikan tanggungjawab terhadap tanggungan atau ahli keluarga. Sesungguhnya, tanggungjawab individu terhadap ahli keluarga termasuklah kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga terdekat adalah merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia. Oleh yang demikian, tanggungjawab tersebut tidak boleh dibebankan kepada pihak lain

sehingga boleh mengundang kepada kemalaratan hidup dan kepincangan kekeluargaan dari aspek ekonomi. Sehubungan dengan itu, Islam menyeru penganutnya termasuklah golongan usahawan supaya berusaha untuk memenuhi keperluan peribadi dan juga ahli tanggungan di bawahnya supaya sentiasa terbela dan terjamin. Seseorang usahawan yang hebat bukan sahaja berjaya sebagai seorang pengusaha tetapi dalam masa yang sama juga mereka adalah pemimpin kepada ahli keluarga. Malah syara' sangat menghargai tindakan dan perbuatan tersebut. Bahkan ianya dinilai sebagai sedekah yang dilaksanakan oleh pelakunya.

Dari sudut pandangan al-Qur'an, antara ayat-ayat yang menyeru manusia bertanggungjawab terhadap ahli keluarga seperti yang diperihalkan oleh al-Qur'an tentang peristiwa dua orang wanita dengan Nabi Musa. Firman Allah S.W.T:

*Maksudnya: "Dan tatkala ia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang sedang memberi minum ternakan mereka, dan ia dapati selain mereka dua wanita yang sedang menahan kambing-kambing mereka. Ia bertanya: Apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum sehingga pengembala itu membawa balik binatang ternak mereka; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya."*

(*al-Qasas: 23*)

Menurut (Yusuf al-Qaradawi, 2001) ayat al-Qur'an tersebut membentangkan satu peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi Musa tentang usaha dua orang wanita memberi air kepada kambing ternakan mereka dengan bantuan Nabi Musa. Kedua-dua wanita tersebut berkerja sebagai pengembala kambing milik keluarga mereka disebabkan usia bapanya yang telah lanjut. Menurut pandangan Ibn Kathir (1301-1372/774H), disebabkan bapa kepada kedua gadis tersebut telah lanjut usia dan tidak dapat melakukan pekerjaan tersebut maka keduanya mengambil tanggungjawab untuk menguruskan urusan tersebut. Oleh yang demikian, mengambil pedoman daripada intisari ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa menjadi satu kewajipan kepada para usahawan untuk membantu dan menanggung keperluan ahli keluarga di bawah tanggungannya.

Dari aspek yang lain pula, usahawan juga bertanggungjawab secara langsung kepada pekerja atau staf di bawah organisasinya. Dengan kata lain, usahawan mempunyai jaringan terhadap warga kerja dalam struktur pentadbirannya. Sebagai majikan, ia bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebajikan dan mewujudkan suasana keceriaan dan harmoni dalam lanskap pekerjaan atau perkhidmatan yang disediakan. Sebagai contoh, dalam soal pemberian gaji atau upah, para usahawan perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap setiap pekerja berasaskan kepada kepakaran yang dimiliki dan kadar sumbangan

yang diberikan dalam memajukan syarikat ataupun perniagaan yang diuruskan. Hal yang demikian disebabkan Islam mengkritik terhadap golongan manusia yang mengambil kesempatan ke atas orang lain untuk meraih keuntungan dengan cara penindasan dan diskriminasi.

Parameter ini dijelaskan oleh al-Qur'an, Allah S.W.T berfirman:

*Maksudnya: "Dan janganlah kamu merugikan manusia pada hak-haknya dan janganlah kamu bermaharaja lela di muka bumi dengan membuat kerosakan ."*

(Syu`ara': 183)

Menurut Ibn Kathir (1301-1372/774H), ayat tersebut merupakan rentetan daripada peristiwa yang berlaku di antara Nabi Syu'aib dengan kaumnya. Baginda menasihati kaumnya supaya berlaku jujur dalam transaksi perniagaan. Ini kerana, apabila berlaku unsur kecurangan dalam perniagaan ia akan menimbulkan kerugian di sebelah pihak dan di satu pihak lagi akan memperolehi keuntungan yang bukan pada haknya. Oleh yang demikian, dengan mengambil pengajaran daripada tafsiran ayat tersebut sudah pastilah golongan usahawan perlu mengorganisasikan aktiviti yang di usahakan secara akauntabiliti, berintegriti dan adil supaya orang di sekelilingnya dapat menjalani kehidupan yang tenang dan harmoni. Begitu juga dalam soal kebajikan pekerja terutamanya dalam soal bayaran upah ataupun gaji. Para usahawan diingatkan supaya tidak melengah-lengahkan bayaran atau melakukan penganiayaan dengan cara menggajikan pekerja pada kadar bayaran yang tidak setimpal dengan tugas yang dilakukan. Idealnya, ganjaran yang diterima itu pada kadar yang berpatutan dan tidak merugikan mana-mana pihak (Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad, 2005).

Menyorot pandangan daripada al-Sunnah berkaitan tanggungjawab usahawan, didapati banyak hadith yang menyentuh tentang keperluan tersebut di antaranya iaitu:

Sabda Nabi S.A.W dalam satu hadith bermaksud:

*"Ketahuilah! Setiap kamu adalah penggembala (pemimpin), dan setiap kamu akan ditanya tentang gembalaanmu (kepemimpinan mu). Seorang Amir (raja, penguasa, pembesar atau pemimpin) yang berkuasa terhadap rakyat, akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang lelaki adalah pemimpin atas keluarganya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang wanita adalah pemimpin di rumah tangga suami dan anak-anaknya. Dia akan di tanya tentang kepemimpinannya. Seorang hamba sahaya adalah pemimpin atas harta kekayaan majikan yang dipercayakan kepadanya. Dia juga akan ditanya*

*tentang kepemimpinannya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan tanya tentang kepemimpinannya."*

*(Muslim)*

Hadith yang lain, bermaksud:

*"Daripada Abu Hurairah R.A sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya: "Sebaik-baik sedekah itu ialah daripada orang berada (kaya), dan mulakanlah sedekah itu dalam kalangan keluarga di bawah tanggungan."*

*(al-Bukhari)*

Dalam sebuah hadith Qudsi, Allah S.W.T berfirman maksudnya:

*"(Terdapat) Tiga (jenis manusia) yang Aku menjadi musuh mereka pada hari Qiamat: Seorang yang telah aku berikan kecukupan tetapi ingkar, seorang yang menjual orang merdeka kemudian memakan wangnya, dan seorang yang mengupah seorang pekerja dan pekerja tersebut menyempurnakan tugas tersebut tetapi orang itu tidak memberi upahnya."*

*(al-Bukhari)*

Natijahnya, usahawan berjaya menurut kerangka *mu`amalah* Islam iaitu individu yang beriltizam mempraktikkan kehendak Islam secara sepenuhnya dan melaksanakan aktiviti pekerjaannya menepati dengan kehendak *mu`amalah* Islam. Interaksi yang bersifat positif di antara usahawan dan pekerjaanya adalah mekanisme yang efektif untuk berjaya dalam kegiatan yang diusahakannya. Golongan usahawan yang berfungsi sebagai pengurus dan pentadbir perlu bijak menguruskan pekerjaanya untuk membentuk persekitaran budaya kerja yang sihat, bekerja sebagai satu pasukan yang berdisiplin dan sentiasa bermotivasi tinggi. Sebaliknya, tanpa sokongan dan komitmen yang tinggi daripada warga kerjanya secara tidak langsung ia akan menghadapi kesukaran untuk menggerakkan operasi kerja yang cekap dan berdaya maju. Oleh itu, sikap usahawan yang berjaya mereka sentiasa memberi ruang dan peluang kepada pekerjaanya untuk memajukan diri seperti memberi latihan dan kemahiran tambahan, percambahan aktiviti ilmu, memberi imbuhan berdasarkan kepada prestasi, menggalakkan aktiviti keagamaan, menanamkan nilai-nilai murni dan sebagainya (Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, 2008).

## 8. KESIMPULAN

Dalam apa jua aktiviti yang dilakukan oleh manusia, Islam memberi panduan kepada manusia untuk menjadi *mu'min* yang cemerlang dan berjaya (*al-falah*). Begitu juga dalam skop keusahawanan, semangat *al-falah* yang dihayati oleh para usahawan *muslim* secara konsisten akan mendorong mereka mengoptimumkan segala sumber-sumber yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T untuk kepentingan umat manusia sejagat. Usahawan berjaya menurut dimensi keusahawanan Islam adalah individu yang berusaha memajukan aktiviti yang dilaksanakannya mengikut landasan yang dikehendak oleh Islam. Meskipun, ganjaran keuntungan adalah sebahagian daripada pendorong kepada aktiviti keusahawanan, namun ia bukanlah dianggap sebagai objektif mutlak yang menjadi kayu ukur kejayaan usahawan. Sebaliknya, objektif utama yang perlu disasarkan oleh usahawan muslim adalah kejayaan yang direndhai Ilahi merangkumi keuntungan di dunia dan juga akhirat. Inilah hakikat kejayaan yang menjadi manifestasi unggul kepada kerangka keusahawanan Islam dalam menjana usahawan muslim yang berkualiti.

## RUJUKAN

- Abu `Ubaid al-Qasim bin Salam .(1989), *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar Syuruq.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1957), *Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-`Arabi.
- Adnan Alias. (2002), "Model Perlakuan Usahawan Mukmin," dalam Adnan Alias, Mohamad Dahlan Ibrahim (ed), *Keusahawanan Islam*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Ahmad, Mushtaq. (1995), *Business Ethics in Islam*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Attas, Muhammad Naquib, Syed. (1993), *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Quraisyi, `Ali. (1981), *al-Taghyir al-Ijtima``Enda Malik Ben Nabi: Manzur Tarbawi li Qadaya al-Taghyir fi al-Mujatama`al-Muslim al-Mu`asir*. Kaherah: al-Zahrah li al-`Ilam al-`Arabi al-Nasyr.
- Astamoen, Moko P., (2005), *Entrepreneurship*. Bandung: Alfabeta.
- Barjoyai Bardai . (2000) *Keusahawanan dan Perniagaan*. Bahagian 1 & 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ghanim, Wajdy. (2007), *Suluk al-Muslim*. Mesir: Dar al-Salam.
- Ghazali, Abi Hamid ibn Muhammad al-. (1982), *Mukashafah al-Qulub ila al-Muqarrab ila Hadrat al-Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah.
- Hendricks, Gary dan Ludeman, Kate (1997), *The Corporate Mystic*. U.S: Bantam Book.
- Ibn Kathir, `Imad al-Din Abi Fada' Ismail ibn `Umar (1980), *Tafsir Ibn Kathir*, jil. 1,2,3,4,5,6,7,8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Meredith, Geofferey Grant, Robert, E. Nelson, Neck, Philip A., (1982), *The Practice of Entrepreneurship*. Geneva: International Labour Office.
- Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria (2008), *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1987), "Islamic Economic Thought: Foudations, Evaluation and Needed Direction", dalam AbulHasan M.Sadek, Ataul Huq Pramanik dan Nik Mustapha Hj Nik Hassan (eds.), (Seminar Antarabangsa Ekonomi Islam pada 7-9 Julai 1987). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- Muslim Kelana. (2008), *Menjadi Usahawan Sehebat Muhammad bin Abdullah*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mustafa Daud. (1989), *Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (1996), Pendekatan Islam Dalam Budaya Niaga, dalam Khairul Azhar Idris (penyunting), *Kontemporari Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Qaradawi, Yusuf al-. (2001), *Daur al-Qiyami wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- \_\_\_\_\_. (1980), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qutb, Sayyid al-. (1986), *Tafsir Fi Zilali al-Qur'an*. Jeddah: Dar `Am.
- Sudin Haron. (1990), *Ke Arah Menjadi Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad. (2005), *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syabir, Muhammad `Uthman. (1996), *al-Mu`amalat al-Maliyah al-Mu`asirah fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafa`is.

Tahawi, Ibrahim al-. (1974), *al-Iqtisad al-Islami Madhhaban wa Nizaman*, jil. 1. Kaheerah: Majma` al-Buhuth al-Islami.

Zimmerer, W. Thomas dan Scarborough, Norman M., (1996), *Entrepreneurship and the New Venture Formation*. Upper Saddle River, N.J.: Prentice Hall.

Zuhayli, Wahbah . (1991) *al- Tafsir al-Munir fi al-`Aqidah wa al-Syari`ah wa al-Minhaj*, jil. 1,2. Beirut: Dar Fikr Mu`asir.